



TINTA SERIBU KENANGAN

Tuan Haji Bahadon Ismail, K.M.N
Pendaftar ITM

13 Julai 1966 - 02 September 1993
COPYRIGHT © UiTM



*Tuan Haji Bahadon Ismail, K.M.N.
Pendaftar ITM
13 Julai 1966 - 2 September 1998*

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. <i>Secalit Tinta</i>	1
2. <i>Tinta Seribu Kenangan</i>	2
3. <i>Profail Hj. Bahadon Ismail</i>	3
4. <i>Jejak Bertapak</i>	10
5. <i>Wajah-Wajah Bahadon Ismail</i>	16
5.1. <i>Dari Penilaian Ketua</i>	17
5.2. <i>Dari Kaca Mata Teman dan Taulan</i>	24
5.3. <i>Dari Cetusan Rasa Anak Buahnya</i>	28
6. <i>Seuntai Madah Seribu Rasa</i>	40
7. <i>Tinta Seribu Budi</i>	49
8. <i>Nostalgia Seribu Kenangan</i>	53
9. <i>Tenaga Kerja</i>	56
10. <i>Autograf</i>	58

SECALIT TINTA

Bukan mudah untuk menyusun buku kecil TINTA SERIBU KENANGAN. Niat awal untuk merakamkan jejak-jejak sumbangan dan penglibatan Pendaftar ITM, Tn. Hj. Bahadon Ismail sepanjang tempoh 32 tahun, 2 bulan 19 hari perkhidmatan beliau di Institut Teknologi MARA menjadi sukar dan berliku. Usaha yang kami anggap mudah, pada mulanya tidak berlaku sedemikian. Pertamanya, tuan badan sendiri merasa 'reluctant' untuk memberi maklumat. Beliau amat merendah diri apabila diminta menceritakan pengalaman beliau di ITM. 'Apa yang saya buat, adalah apa yang orang lain buat, kalau berada di kerusi saya. Saya sekadar mengisi satu amanah setakat yang saya mampu. Tidak ada apa yang istimewanya untuk dirakamkan'. Itulah ucapan beliau berkali-kali. Setiap kali kami cuba mengorek lebih terperinci beliau samada tersenyum sinis atau menjawab. 'Itu rahsia' atau 'Yang ini tak boleh komen.'

*Jadi, untuk menyelesaikan tugas, banyak peristiwa ditulis berasaskan ingatan pihak-pihak yang pernah mengenali beliau. Jadi sidang Ridaksi berharap tidak ada pihak yang akan **mendakwa** kami andai ada fakta-fakta yang kurang tepat dan tidak selaras di sana sini. Kami pohon beribu ampun dan maaf jua.*

Apa pun, kami amat terharu dengan kerjasama rakan dan taulan. Mereka memberi pelbagai komen dan 'anecdote' yang begitu manis untuk dikongsi bersama.

6 Ogos 1998

Halimah Yen

TINTA SERIBU KENANGAN

*Bermula perjuangan si anak Kedah
Sebagai pentadbir muda belia
Membangunkan bangsa itulah wadiah
Agar menjadi insan mulia*

*Di Dewan Latihan Rida jejak bertapak
Sampai ITM bergelar korporat
Perjalanan berliku berbukit berlopak
Dilalui tabah walaupun berat*

*Dahulu Pengarah sekarang Rektor
Ketua beliau silih berganti
Namun setiamu tak pernah luntur
Kekal di ITM terus berbakti*

*Demi anak bangsa sendiri
Tidak terlintas mengalih haluan
Walaupun ramai tidak menyedari
Budinya tidak mengharap balasan*

*Kuat azamnya terus melangkah
Dugaan cabaran bukan halangan
Berdisiplin berdedikasi, tegas, amanah
Etika yang baik jadi pegangan*

*Tiga puluh dua tahun berlalu sudah
Kini Encik Bahadon akan bersara
Tiap yang bermula ada penyudah
Walau semangatnya masih membara*

*Persaraannya adalah suatu kehilangan
Walau diganti manakan sama
Kekal abadi dalam kenangan
Jadi sebutan selama-lama*

*Bak mutiara tetap menyerlah
Walaupun terlerai dari karangan
Namamu terpahat dalam sejarah
Dalam tinta seribu kenangan*

6 Ogos 1998

Haly

**PROFAIL
HJ. BAHADON ISMAIL**

Tanggal 3 September 1943, keluarga seorang guru sekolah, Cikgu Ismail bin Abdullah dan isterinya, Pn. Che Dah binti Said telah dirahmati dengan kelahiran seorang putera. Nun jauh di sebuah kampung bernama Labu Besar, dalam daerah Kulim, Kedah, putra tersebut telah disambut kedatangannya dengan penuh kesyukuran. Putra kemudiannya diberi nama **BAHADON BIN ISMAIL**.

Selepas tamat sekolah rendah, beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Sultan Badlishah, di bandar Kulim, Kedah, iaitu dari tahun 1954 sehingga tahun 1962. Guru Besar sekolah berkenaan dalam 'testimonial'nya ada mencatatkan bahawa pelajar yang bernama Bahadon Ismail adalah merupakan seorang pelajar yang baik kelakuannya dan mempunyai prestasi akademik yang memuaskan. Sepanjang tempoh pengajian menengah beliau di SMSB, Kulim beliau tergolong dalam 'the top 15'. Beliau juga turut aktif dalam sukan dan pernah bermain Rugby, Hoki dan Bolasepak. Beliau juga mahir bermain Chess dan amat gemar berkebun. Mungkin sebagai anak desa, tradisi berkebun dan berbudi pada tanah menjadi sebahagian dari nostalgia zaman remaja beliau.

Pada tahun 1963, selepas lulus Overseas School Certificate dengan gred dua, beliau telah memohon dan berjaya diterima masuk sebagai pelajar Dewan Latihan RIDA untuk mengikuti kursus Company Administration, yang membolehkan beliau menduduki peperiksaan 'Corporation of Certified Secretaries, London'.

Berkat kegigihan dan ketabahan beliau, beliau telah berjaya menamatkan semua bahagian dan mendapat kelulusan ICSA hanya dalam tempoh 2 ½ tahun iaitu dalam tahun 1965. Tahun 1965 adalah tahun keramat, kerana pada tahun itu juga Dewan Latihan RIDA bertukar menjadi Maktab MARA. Tahun-tahun berikutnya menyaksikan 'quatum leap' dalam sejarah sebuah institusi latihan yang pada mulanya hanya berfungsi sebagai Pusat Latihan untuk kursus memintal tali sabut! Di institusi inilah juga En. Bahadon diasuh dan dididik. Di sini juga dengan kehendak Allah S.W.T., beliau

bertemu jodoh dengan pelajar Maktab MARA bernama Aliah bt. Yassin yang merupakan Junior kepada En. Bahadon.

Pengetua Maktab MARA dewasa itu, En. Arshad Ayob (kini Tan Sri) merupakan nakhoda yang telah bertanggungjawab meletak ITM di mercu tanda. Beliau juga merupakan orang yang bertanggungjawab 'mengheret' seorang jejaka bernama BAHADON ISMAIL untuk menjadi tenaga pekerja di Maktab MARA dalam tahun 1966. Siapa sangka pertemuan yang tidak disengajakan di bilik air Maktab MARA di antara seorang Pengetua dengan bekas pelajarnya telah memungkinkan segala. Pertanyaan rutin seorang Ketua yang prihatin dengan anak didiknya, dengan soalan 'Awak dah ada kerja ke belum?' membawa En. Bahadon menjadi warga ITM. Memandangkan beliau belum lagi bekerja, En. Arshad Ayob telah mempelawa beliau untuk berjumpa beliau di pejabatnya pada hari berikutnya. Malangnya, insan bernama Bahadon telah datang menemui Pengetua Maktab MARA dengan hanya memakai selipar. Apalagi, beliau telah diminta untuk datang semula dengan gaya yang lebih kemas dan berkasut! Maka dengan penuh kepatuhan (tiada siapa yang sanggup melanggar perintah En. Arshad sebenarnya) bakal staf yang bernama Bahadon Ismail telah datang melapor diri pada 13 Julai 1966, siap dengan pakaian yang kemas dan rapi. Mungkin pengajaran inilah yang mendidik En. Bahadon untuk menjadi salah seorang staf ITM yang paling kemas berpakaian dan sentiasa bergaya!

Berbekalkan tawaran jawatan sebagai Penolong Pendaftar, beliau telah ditempatkan di unit baru, Unit Kemasukan Pelajar, Maktab MARA. Unit ini juga turut berperanan untuk membantu pelajar ITM mendapat pekerjaan. Di dalam tahun enam puluhan, adalah sesuatu yang biasa di Maktab MARA/ITM untuk seorang Ketua Unit turut bertindak sebagai Kerani, Jurutaip dan Pelayan Pejabat. Zaman itu, setiap unit akan beroperasi dengan keperluan staf yang amat minima. Struktur jabatan seperti yang ada sekarang adalah satu 'luxury'. Sebagai sebuah unit baru, En. Bahadon perlu bermula dari 'tiada' kepada 'ada'. Tidak keterlaluan, kalau dikatakan bahawa sepanjang tempoh beliau di unit/bahagian Kemasukan iaitu dari Julai 1966 hingga 1980 (ditolak tempoh cuti

belajar akhir tahun 69 - 72), beliau merupakan Pegawai yang bertanggungjawab meletakkan asas dan mengembangkan bahagian tersebut sehingga menjadi bahagian yang penting dalam sistem ITM sebagaimana yang kita lihat pada hari ini. Apabila beliau dilantik sebagai Pendaftar, bahagian tersebut diletak terus di bawah pengawasan beliau. Mula menapak dari sebuah unit kecil yang memproses permohonan ke ITM secara manual, sehingga kepada proses melalui OMR dan Sistem Berkomputer, sejarah tidak dapat menafikan penglibatan dan sumbangan En. Bahadon Ismail terhadap kejayaan dan kemantapan Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar ITM.

Tan Sri Arshad Ayob telah membuat keputusan yang tepat 'when he decides to rope in En. Bahadon as a member of ITM staff'. Beliau juga telah dapat menilai potensi En. Bahadon apabila beliau memperakukan dan menyokong penuh permohonan En. Bahadon untuk mendapat Anugerah Asia Foundation dalam tahun 1968. Dengan bantuan Asia Foundation, En. Bahadon telah bertolak ke Universiti Ohio, Athens dan memulakan pengajian di peringkat Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan kemudiannya menyambung ke peringkat Sarjana (Ekonomi) dalam tahun 1972. Universiti Ohio, Athens tentunya meninggalkan kenangan yang manis dan bermakna kepada En. Bahadon mahupun kepada isteri beliau Pn. Aliah Yassin, kerana di sanalah mereka berdua menatang zuriat pertama, seorang putri yang diberi nama NADZIMAH pada hari Selasa 9 Februari 1971. Kedatangan putri yang begitu lama dinanti, disambut dengan penuh kesyukuran meskipun siibu terpaksa menghadapi pelbagai cabaran kerana kelahiran secara 'caesarian'. Anak kedua, seorang putra FAIZAL hanya dilahirkan lebih 6 tahun kemudian iaitu pada 21 Jun 1977.

Setelah menamatkan kursus, En. Bahadon, isteri dan anak kecil mereka kembali ke tanah air. En. Bahadon menyambung semula tugas di Bahagian Pengambilan dan Rekod Pelajar, sementara Pn. Aliah pula telah ditawarkan untuk mengetuai Unit Kewangan ITM. Namun kerjaya Pn. Aliah di ITM tidak lama apabila pada akhir tahun 1975, beliau meletak jawatan dan seterusnya membina kerjaya sendiri di sektor kewangan.

Bintang En. Bahadon semakin mantap dan bersinar apabila beliau menjadi Timbalan Pendaftar (Akademik) pada 8 Januari 1973 (memangku) dan 1 Julai 1973, dinaikkan pangkat secara lantikan. Beliau terus berkhidmat di Bahagian Pengambilan dan Rekod Pelajar, sehinggalah beliau ditukar ke Bahagian Perjawatan pada 1 Februari 1980 dan seterusnya turut menjalankan tugas-tugas sebagai Timbalan Pendaftar (Perkhidmatan) bagi tempoh 1 Januari 1981 hingga 31 Mei 1981.

Sepanjang tempoh beliau berkhidmat sebagai Timbalan Pendaftar, beliau telah berpuluh kali dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Pendaftar, memandangkan beliau merupakan Timbalan Pendaftar yang paling kanan. Justeru, apabila beliau dilantik secara hakiki sebagai Pendaftar ITM pada 1 Januari 1983, perantikan tersebut tidak memeranjatkan lagi. **'He was seen and accepted as a natural successor'**.

Jawatan Pendaftar adalah jawatan tertinggi di dalam Skim Penolong Pendaftar di ITM. Sebagai Pegawai Pentadbiran Kanan yang bertanggungjawab ke atas fungsi Pengurusan dan Sumber Manusia, pengambilan dan rekod pelajar, peperiksaan pelajar, urusan konvokesyen serta bertindak sebagai Setiausaha kepada Majlis ITM (kini Lembaga Pengarah), amanah yang dipikul oleh penyandang jawatan Pendaftar bukanlah kecil, banyak ranjau dan durinya. **'No one should envy the responsibilities of the job even though the perks is very attractive'**. Walau pun banyak cabaran yang perlu ditangani, En. Bahadon Ismail telah berusaha menyempurnakan tugas dan tanggungjawab beliau sebaik mungkin.

Pandangan dan penilaian yang dibuat oleh Ketua/Bekas ketua, Pegawai di bawahnya, juga daripada rakan dan taulan ternyata rata-ratanya mengakui hakikat bahawa beliau telah banyak menyumbang kepada ITM. Ramai mengagumi ketelitian, kerahsiaan dan kepatuhan beliau kepada peraturan-peraturan kerja yang telah ditetapkan. Justeru itulah maka ada segelintir yang mentafsir beliau lambat bertindak dan terlalu berhati-hati dalam membuat keputusan. Birokrasi beliau dikatakan menghalang perubahan. Namun jauh di lubuk hati beliau, beliau sedar bahawa beliau memikul amanah yang

amat berat dan beliau 'accountable' hingga ke akhirat. Pegangan ini sering diluahkan kepada anak buah yang bekerja di bawah jabatan beliau. Walau siapa pun yang menduduki kerusi Pendaftar, ketelusan perlu diberi keutamaan. Begitu juga tentang kepatuhan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ini penting kerana implikasi daripada sebarang tindakan khususnya dalam pengurusan sumber manusia akan dipersoal dan dipertanggungjawabkan walaupun kita sudah lama bersara.

Tempoh 32 tahun adalah tempoh yang amat lama. Tempoh itulah yang telah disumbangkan oleh En. Bahadon kepada ITM. Hasil sumbangan dan usaha gigih beliau sukar untuk diperinci satu persatu. Jasa dan sumbangan beliau bukan sahaja akan terus dihargai oleh ITM tetapi telah diiktiraf melalui penganugerahan Pingat Kebesaran Ahli Mahkota Perlis (AMP) daripada DYMM Raja Perlis dalam tahun 1979 dan Pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) daripada DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong dalam tahun 1996.

Pada tahun 1995 pula, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan kenaikan taraf jawatan Pendaftar dari Gred N1, kepada Gred Utama C secara Khas Untuk Penyandang kepada En. Bahadon Ismail. Semua pengiktirafan ini dimungkinkan kerana sokongan padu daripada Pengarah/Rektor ITM, sejajar dengan sumbangan dan jasa-jasa beliau kepada ITM.

Tanggal 3 September 1998 akan menjelang tiba. Pada tarikh tersebut, En. Bahadon Ismail akan bersara secara rasmi, setelah genap umur persaraan wajib, 55 tahun. Pada tarikh tersebut, tempoh perkhidmatan beliau kepada ITM ialah selama 32 tahun 2 bulan 19 hari.

Pihak ITM tentu ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada satu kerjaya yang begitu cemerlang. ITM juga ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada Tn. Hj. Bahadon Ismail di dalam apa jua lapangan yang beliau akan ceburi selepas bersara

nanti. Warga ITM akan mendoakan semoga beliau dan keluarga akan terus dirahmati dengan kesihatan yang baik, rezeki yang berkat dan berterusan hendaknya segala amal soleh yang InsyaAllah akan dibalas dengan sebaik ganjaran daripada Allah S.W.T.

JEJAK BERTAPAK
■ Sorotan sumbangan kepada ITM

Apabila kita cuba memberi penghargaan atau pengiktirafan kepada seorang Ketua terhadap kemajuan dan kejayaan jabatan yang ditadbirnya, ada pula suara-suara yang akan menyatakan itu bukan kejayaan Ketua seorang sahaja kerana yang bertungkus lumus melaksanakan adalah staf di bawahnya. Suara-suara sedemikian biasanya tidak dapat menghayati bahawa peranan dan fungsi Ketua ialah untuk menentu arah, menzahirkan wawasan, merencana strategi dan membimbing anak buah untuk mencapai matlamat jabatan. Tidak dinafikan bahawa kejayaan jabatan adalah hasil kerja kumpulan yang baik. Tetapi, seandainya seorang Ketua itu tidak prihatin, sentiasa berlepas tangan dan gagal menunjukkan ciri-ciri kepimpinan, jabatan tersebut tidak akan mencapai kejayaan.

Untuk menyorot kembali satu persatu jejak-jejak Bahadon Ismail bukanlah satu usaha yang mudah. Malah diawal perkhidmatan, Maktab MARA terlalu pesat berkembang dan setiap orang Pegawai bekerja gigih tanpa berkira dengan waktu pejabat. Mereka juga tidak punya waktu untuk 'merekod' apa-apa tugas yang telah mereka laksanakan. Tidak ada profail, tidak ada rekod rasmi tentang tugas-tugas rutin yang telah berjaya disempurnakan. Apa yang boleh menjadi bukti, ialah sebuah jabatan/unit yang dulu 'tiada' menjadi 'ada'. Begitu juga dengan kursus dan sistem/prosidur kerja. Apabila Dewan Latihan RIDA bertukar menjadi Maktab MARA (1965) dan Maktab MARA menjadi Institut Teknologi MARA (1967), Pegawai ITM hanya beberapa kerat cuma. Antaranya, Tn. Hj. Bahadon Ismail. Tidak ada 'orang luar' yang membantu untuk menggubal sistem dan prosedur. Tidak juga staf sokongan yang membantu tugas-tugas hakiki, apalagi untuk merancang dan mengatur strategi. Zaman 'Arshad Ayob' ialah zaman pegawai tidak mengenal istilah 'tidak boleh'. Apa yang diperintah, itulah yang perlu dilaksanakan. Tidak ada ruang untuk 'melari diri' atau menuding jari kepada orang lain, jika perintah tidak dilaksana dengan baik.

Jadi, untuk sekadar mengutip apa yang tersimpan dalam beberapa fail lama Maktab MARA/ITM, maka disenarai jua beberapa bukti penglibatan Tn.Hj. Bahadon Ismail sepanjang tempoh 32 tahun perkhidmatan beliau dengan institusi bertuah ini. Turut disenaraikan ialah beberapa pengiktirafan yang telah diterima oleh Pejabat pendaftar semasa jabatan tersebut dterajui oleh Tn. Hj. Bahadon Ismail.

Perlu dijelaskan bahawa senarai ini jauh dari 'menghampiri' sumbangan sebenar. Begitu juga dengan bentuk pengiktirafan. Di zaman tahun enam puluhan sehingga 80an, kita jarang temui dalam perkhidmatan awam majlis-majlis pengiktirafan rasmi diberi kepada staf atau jabatan yang cemerlang. Hanya tahun terakhir dekad ini sahaja kita mula mengenali Anugerah Khidmat Cemerlang, Anugerah Inovasi, Anugerah Kualiti dan sebagainya. Namun demikian, dalam tempoh antara tahun 1995 sehingga 1998, Pejabat Pendaftar di bawah kepimpinan Tn. Hj. Bahadon Ismail telah berjaya mendapat 13 jenis pengiktirafan, termasuk Sijil MS ISO 9002 untuk pengurusan dan penyediaan kertas soalan peperiksaan semester sekaligus menjadikan ITM Institusi Pendidikan Tinggi Awam yng pertama menerima anugerah yang berperistij itu. Semoga sejarah merakam dan menjadi bukti sumbangan Tn. Hj. Bahadon Ismail kepada Institut Teknologi MARA.

PELBAGAI PENGIKTIRAFAN KEPADA PEJABAT PENDAFTAR

	TARIKH
Anugerah Peningkatan Kualiti Dalam Pengurusan Fail dan Rekod Staf ITM	1995
Anugerah Peningkatan Kualiti Dalam Teknologi Pengurusan ITM	1995
Anugerah Khas Perkhidmatan Awam MAMPU (Pengurusan Sumber Manusia)	13 Oktober 1995
IT Achievement Award PIKOM (Sistem Maklumat Staf - STARS)	13 Oktober 1995
Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam MAMPU (Sistem Berkomputer untuk Peperiksaan Pelajar)	20 Jun 1996
Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam MAMPU (Tele-info)	20 Jun 1996
Anugerah Kualiti Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam MAMPU	7 November 1996
Anugerah Khas Perkhidmatan Awam MAMPU (Pengurusan Fail)	17 Disember 1996
Anugerah Iltizam dan Pencapaian Kualiti ITM	1996
Sijil MS ISO 9002 SIRIM (Pengurusan dan Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan Semester, Bahagian Peperiksaan)	Mulai 22 April 1997
Anugerah Pengurusan Projek Khas ITM (Bahagian Peperiksaan)	1997
Anugerah Pengurusan Teknologi Maklumat ITM (STARS)	1997
Finalis Anugerah Khas Perkhidmatan Awam MAMPU (Pengukuran Prestasi bagi Agensi-Agensi Kerajaan)	1997

SENARAI JAWATANKUASA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH PENDAFTAR

1. Jawatankuasa Temuduga Kakitangan Kumpulan Sokongan
2. Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan
3. Jawatankuasa Latihan dan Biasiswa (Pentadbiran)
4. Jawatankuasa Keputusan Peperiksaan Jabatan
5. Jawatankuasa Konvokesyen ITM
6. Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan
7. Lembaga Pengesahan Jawatan Kumpulan Sokongan
8. Jawatankuasa Latihan Kakitangan
9. Jawatankuasa Malam Jasamu Dikenang

SENARAI JAWATANKUASA DI MANA PENDAFTAR SEBAGAI SETIAUSAHA

1. Majlis ITM/Lembaga Pengarah ITM
2. Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan (sehingga 1996)
3. Jemaah ITM
4. Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan dan Profesional
5. Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional
6. Jawatankuasa Temuduga Kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
7. Lembaga Peperiksaan
8. Jawatankuasa Eksekutif ITM (sehingga 1996)
9. Panel Penyelaras Penilaian Prestasi dan Pergerakan Gaji (PPG)

SENARAI JAWATANKUASA DI MANA PENDAFTAR ADALAH AHLI

1. Lembaga Perancangan dan Pengurusan Komputer ITM
2. Jawatankuasa Latihan dan Biasiswa
3. Jawatankuasa Sebutharga
4. Tabung Amanah ITM
5. Tabung Amanah Hotel ITM
6. Lembaga Pelupusan ITM
7. Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan ITM
8. Jawatankuasa Penyediaan Rancangan Malaysia ke 7
9. Jawatankuasa Ubahsuai Dalaman
10. Jawatankuasa Pengkorporatan ITM
11. Lembaga Perancangan dan Pembelian Komputer
12. Jawatankuasa Skima Perkhidmatan Kakitangan Akademik ITM
13. Lembaga Pengarah Intekma Resort, ITM Hospitality & Mgt. Services
14. Majlis Bersama Jabatan ITM/MITASA
15. Majlis Bersama Jabatan ITM/KKUITM
16. Search Committee
17. Jawatankuasa Eksekutif ITM (mulai 1996)
18. Jawatankuasa Pengurusan Dalaman
19. Mesyuarat Jawatankuasa Provos ITM

**WAJAH-WAJAH
HJ. BAHADON ISMAIL**

**DARI PENILAIAN
KETUA**

He joined the administrative staff of the MARA Institute of Technology in July 1966 as Assistant Registrar. Since then he has performed his duties very satisfactorily and I have observed his progress with interest and admiration. He needs little supervision and he proves that he is able to work on his own. During this early period of expansion of the Institute, he has played a vital role in organizing the student Admission Unit of the Institute and helping students to get employment.

1968

En. Arshad Ayob (kini Tan Sri)
Pengetua Maktab MARA/
Pengarah ITM
(1/12/65 - 24/3/75)

Beliau mengamalkan cara kerja bersistematik samada dalam aspek pengumpulan maklumat atau membuat kertas kerja. Ini adalah merupakan suatu aset sebagai Pendaftar.

Beliau berhati-hati sebelum membuat sesuatu keputusan dan sekiranya keputusan itu mempunyai implikasi kewangan atau personel, beliau terlebih dahulu merujuk perkara itu kepada Pendaftar, Bendahari, Dekan, Timbalan Pengarah atau Pengarah.

Sebagai seorang bekas pelajar ITM, beliau mempunyai hubungan rapat dengan bekas pelajar ITM. Sebagai seorang kakitangan yang mula bertugas sejak tahun 1966 lagi, beliau telah bersama-sama berkembang dengan ITM dan memahami dasar dan hasrat Institut.

12 November 1982

Dato' Nik Abdul Rashid (Allahyarham)

Pengarah ITM

(16/7/80 - 31/8/86)

Sebagai seorang Ketua Jabatan, saya memperakukan bahawa En. Bahadon Ismail memang mempunyai inisiatif untuk memikirkan perkara-perkara baru bagi memperbaiki sistem pengurusan di ITM. Beliau sering mengeluarkan cadangan-cadangan yang bernas yang boleh digunakan oleh ITM. Beliau pernah mengambil tanggungjawab mengemaskini Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar dengan memperkenalkan sistem komputer dalam pengurusan pengambilan pelajar dan juga pengurusan peperiksaan.

29 November 1982

Hj. Mohd. Zain Omar

Pendaftar ITM

(1975 -1982)

Seorang yang pendiam tetapi bekerja keras dan tenang dalam semua keadaan. Pandai mengurus kakitangan dan berpengalaman tinggi. Menjadi pakar rujuk dalam hal-hal perkhidmatan. Pegawai yang baik dan berdedikasi.

30 Januari 1989.

Dato' Dr. Mohd. Mansor Hj. Salleh

Pengarah ITM

(1986 - 1993)

Prosidur, dan garis panduan yang ditetapkan. Adakalanya beliau memberi buah fikiran beliau untuk kebaikan ITM, walaupun kadangkala orang salah anggap niat beliau. Beliau akur dengan segala arahan. Beliau juga kadangkala menjadi Penasihat dan Pakar Rujuk kepada pengurusan berkenaan Perintah Am atau Akta ITM. Hingga ke hari ini, saya akan berjumpa beliau meminta nasihat dan pertolongan beliau berkenaan urusan pentabdiran terutamanya berkenaan arahan Kerajaan.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Maju Jaya dalam apa jurusan yang beliau akan berkecimpung selepas bersara.

8 Ogos 1998

Prof. Ir. Dr. Syed Abdul Kader Aljunid
Penolong Rektor (Jaminan Kualiti)

22 Mei 1997

Tn. Hj. Bahadon Ismail
Pendaftar
ITM, SHAH ALAM.

Tuan,

UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dipanjangkan kepada Allah S.W.T. di atas keizinanNya yang telah memungkinkan usaha gigih dan sumbangan cemerlang tuan sehingga Bahagian peperiksaan ITM kini berjaya mendapat Anugerah Sijil Pengiktirafan ISO 9002 sebagaimana surat SIRIM bil. SQAS 3034/18/9-172 bertarikh 30 April, 1997.

Sebagai Pendaftar, tuan telah memainkan peranan yang besar dan telah menyumbang tenaga dengan gigih dan penuh komitmen untuk menjadikan ITMIPT Awam pertama yang mendapat anugerah berprestij ini.

Mendapat Anugerah dan pengiktirafan terhadap usaha cemerlang adalah tahap pertama yang bakal diiringi oleh proses berterusan untuk mengekal status berkenaan. Pada hemat saya, usaha untuk mendapat anugerah atau pengiktirafan adalah lebih mudah berbanding dengan proses untuk terus mengekal kecemerlangan.

Harapan saya supaya pengiktirafan yang diterima ini akan menjadi peniup semangat kepada tuan untuk melipat gandakan usaha supaya kecemerlangan tersebut terus dikekalkan dan dipertingkatkan, InsyaAllah.

Akhir kata, sekalung tahniah daripada semua warga ITM. Kejayaan ini adalah titik sejarah bagi Institut Teknologi MARA yang amat dibangga dan disyukuri.

Sekian, wassalam.

DATO' IR. DR. HAJI AHMAD ZAIDEE LAIDIN
Rektor ITM
(1.1.1994 – kini)

**DARI KACA MATA
TEMAN DAN TAULAN**

Semasa saya bertugas sebagai Penolong Pendaftar di Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar (KRP), dan Tuan Haji Bahadon Ismail sebagai Timbalan Pendaftar dari tahun 1974 hingga 1978, bahagian itu tidak ramai kakitangannya. Hubungan dikalangan semua kakitangan sangat akrab. Tuan Haji Bahadon mudah bergaul dengan semua peringkat kakitangan. Tiap-tiap hari waktu rehat tengahari beliau bermain scrabble bersama kakitangan bawahan. Beliau cekap memainkan perkataan tetapi sering juga tewas dalam permainan scrabble ini.

Setelah selesai main scrabble kami bersama-sama makan nasi bungkus yang dibeli dari gerai Estet Getah di tapak PTAR 2 sekarang ini. Peristiwa ini tidak mudah saya lupakan.

Ogos 1998

Prof. Madya Dr. Sulaiman Shamsuri

Saya mengenali Tn. Haji Bahadon sejak beliau bertugas sebagai Penolong Pendaftar di Maktab Mara, Jalan Othman, Petaling Jaya pada tahun 1967. Ketika itu saya bertugas di Perpustakaan, Maktab Mara. Jadi, perhubungan saya dengannya secara peribadi dan sebagai Exco KKUITM telah menjangkau hampir 31 tahun.

Perhubungan saya dengannya adalah baik dan sudah menjadi tabii manusia dan tidak dapat dinafikan bahawa ada beberapa perkara yang kurang saya setuju dengannya. Perwatakannya adalah simple, tindakan yang agak tenang tetapi tegas. Sebagai 'Orang Kesatuan' pendirian PRO dan KONTRA tetap wujud dan beliau kerap menghubungi saya khususnya perkara seperti piket, tunjuk perasaan dan mogok. Semasa saya menjadi Ahli Majlis Agung Majlis Badan Berkanun Malaysia dan apabila timbul 'INDUSTRIAL DISPUTE' beliau memanggil saya dan bertanya berkenaan mogok. Beliau bertanya 'Jadikah mogok, naik gaji ke? kalau naik, baguslah'.

Akhirnya beliau berkata dengan loghat Kedah 'MOGOKLAH, JANJI GAJI NAIK'. Kita tumpang gembira.

Ogos 1998

Tuan Haji Azmi Abdul Manap
Presiden KKUITM

Saya telah mengenali Tn. Hj. Bahadon lebih 15 tahun. Hubungan kami cukup baik. Saya mendapati beliau sebagai pentadbir yang sangat efficient, baik dan intelligent. Dalam berurusan dengan beliau, khususnya dalam hubungan saya sebagai Ketua Kesatuan Sekerja, saya dapati beliau sentiasa membuat keputusan secara adil, rasional dan mengikut peraturan.

Julai 1998

Mohd. Rajib Ab. Ghani
Presiden MITASA

**DARI CETUSAN RASA
ANAK BUAHNYA**

Saya mula mengenali Tn. Hj. Bahadon Ismail semasa saya mula bertugas di ITM iaitu pada tahun 1975. Beliau adalah suami kepada Ketua Jabatan saya, iaitu Pn. Aliah Mohd. Yasin, Bendahari ITM ketika itu.

Walau bagaimanapun, saya hanya mengenali beliau secara dekat pada tahun 1980 iaitu setelah beliau bertukar jabatan daripada Bahagian Akademik dan Rekod ke Bahagian Perkhidmatan/Perjawatan. Tetapi itu untuk beberapa bulan sahaja kerana saya telah ditukar balik untuk bertugas di Bahagian Akademik & Rekod (kini dikenali sebagai Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar). Saya telah bertugas semula di Pejabat Pendaftar sebagai Jurutrengkas Kanan/Setiausaha kepada Tn. Hj. Bahadon Ismail pada tahun 1986.

Memang pada mula-mula bertugas dengan beliau, saya rasa takut dan kurang selesa. Pada masa itu, beliau lebih garang berbanding sekarang. Namun setelah mengenali beliau selama 12 tahun, saya dapati ia adalah seorang bos yang tidak banyak karenah dan sungguh 'understanding'. Beliau boleh menerima pendapat. Beliau juga jadi tempat mengadu, tidak kira staf Pejabat Pendaftar, staf bahagian lain, Ketua-Ketua Bahagian dan juga kakitangan akademik.

Tn. Hj. Bahadon mempunyai hubungan yang baik dengan semua persatuan dalaman ITM termasuk Persatuan Pentadbir, KKUITM dan juga MITASA. Antara prinsip beliau ialah kita mesti cuba memperbaiki diri kita dan hendaklah bertanggungjawab di atas segala tugas yang kita lakukan.

Saya berdoa agar Tuhan akan kabulkan segala citi-cita dan hasratnya selepas ia bersara kelak.

Ogos 1998

Adilah Isahak
Jurutrengkas Kanan
(S/Usaha Kepada Pendaftar)

Saya mula mengenali Tn. Hj. Bahadon pada tahun 1969, iaitu semasa saya mula bertugas sebagai Jurutengkas ITM Jalan Othman, walaupun tidak berurusan terus dengan beliau. Pada masa itu, beliau memegang jawatan Administrative Assistant.

Saya mengenali beliau dengan lebih dekat apabila beliau dilantik sebagai Pendaftar dan saya menjadi Setiausaha. Semasa mula bertugas dengan beliau, ada yang memberitahu saya 'Kalau nak tahu En. Bahadon 'good mood' atau tidak, tengok rambutnya. Kalau tegak macam orang tak bersikat, itu bermakna dia 'bad mood'. Kalau kemas, itu bererti dia ok. Jadi, setiap kali dia masuk pejabat, saya akan perhatikan, dan hanya tersenyum sendiri.

Encik Bahadon merupakan seorang yang 'approachable'. Walaupun perawakan beliau nampak serius, tetapi beliau peramah orangnya dan mempunyai 'sense of humour'. Beliau juga merupakan seorang Ketua yang tidak banyak cakap dan tidak banyak karenah. Saya senang bekerja dengan beliau.

Ogos 1998

Zurida Abd. Kahar

Jurutengkas Kanan/Setiausaha

kepada Timbalan Rektor (HEP)

Saya dapati Tn. Hj. Bahadon sebagai seorang Ketua yang boleh bercampur dengan semua orang. Walau pun mukanya serius, tapi hatinya baik. Beliau jenis orang terbuka. Semasa saya bertugas membawa En. Bahadon, saya dapati beliau amat bertolak ansur. Beliau juga suka bercampur dengan semua staf, tidak mengira peringkat dan kedudukan. Saya harap pengganti beliau nanti akan mempunyai sifat unggul seperti beliau.

Ogos 1998

Pak Abu
Pemandu

Saya mula mengenali En. Bahadon Ismail pada hari pertama saya melaporkan diri untuk berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar ITM iaitu pada 2 Jun 1975. Selepas sahaja melaporkan diri kepada Timbalan Pendaftar Perjawatan, Pn. Normah Ahmad dan kunjungan hormat kepada Pendaftar pada waktu itu En. Kudus Ahmad, saya bersama saudara Allahyarham En. Subhi Rakimin, telah membuat kunjungan hormat kepada En. Bahadon, yang ketika itu bertugas sebagai Timbalan Pendaftar Kemasukan dan Rekod Pelajar. Di dalam perjumpaan yang ringkas, beliau kelihatan begitu sibuk hanya berkesempatan meminta kami berdua, 'Tell me your history'.

Hubungan saya dengan En. Bahadon hanya mula terjalin apabila beliau mengambilalih tugas Pendaftar (staf Pentadbiran yang pertama memegang jawatan tersebut). Pada waktu itu, saya bertugas di Bahagian Pentadbiran dan Majlis. Suasana mesyuarat Majlis ITM (kini Lembaga Pengarah) pada waktu itu sering sahaja tegang. Di atas kebijaksanaan dan strategi beliau, suasana tegang itu telah dapat dileraikan, dan mesyuarat Majlis menjadi begitu produktif. Untuk memastikan semuanya berjalan lancar kami sering bekerja hingga larut malam untuk menyediakan kertas kerja (kerana semuanya ditaipkan menggunakan mesin taip) bagi memastikan tidak ada sebarang kecacatan dan memenuhi apa yang dikehendaki oleh Majlis.

Keistimewaan utama En. Bahadon ialah beliau paling teguh menyimpan rahsia. Baik apa keputusan atau maklumat, tidak akan dimaklumkan sehingga ianya diputuskan secara rasmi. Beliau memiliki sifat ketaatan Bendahara Melaka, beliau amat patuh kepada pucuk kepimpinan dan tidak pernah bertindak balas walaupun difitnah dan atau dimarahi.

Mungkin tidak ada manusia lain di ITM yang tahu bahawa selain En. Bahadon bahawa pada tahun 1982, saya telah meletakkan jawatan daripada daripada ITM dengan memberi notis 24 jam dan membayar gaji dan ganti rugi kontrak kerana mendapat tawaran daripada sebuah syarikat gergasi pada waktu itu. Apabila menerima notis tersebut, En. Bahadon hanya menyimpan sahaja surat tersebut, dan menasihatkan saya supaya meninjau dahulu suasana kerja di tempat baru itu.

Ternyata nasihat beliau tepat sekali, selepas beberapa hari di sana, keadaan di tempat kerja baru itu tidaklah seindah yang saya bayangkan. Hati saya masih kuat terikat di ITM. Saya kembali dan terus berkhidmat di ITM sehingga ke hari ini.

Pada ramai staf, En. Bahadon dikatakan pendiam atau `reserved`, tetapi kepada mereka yang rapat dengan beliau, En. Bahadon adalah orang `cool` dan suka berjenaka. Tabah menghadapi cabaran dan paling kuat daya ingatan. Beliau boleh mengingati sesuatu keputusan samada dibuat oleh Lembaga Pengarah atau sesuatu Jawatankuasa yang telah dibuat bertahun-tahun yang lalu dengan tepat sekali.

Saya amat bersyukur berkesempatan berkhidmat dibawah tiga(3) orang Pendaftar ITM. En. Abdul Kudus Ahmad, mengajar saya konsep bertugas dan berkhidmat untuk bangsa dan negara, En. Mohd. Zain Hj. Omar mengajar saya erti dedikasi dan kesabaran di dalam menjalankan tugas dan En. Bahadon Ismail pula, telah membina keyakinan diri saya dan kebijaksanaan di dalam membuat sesuatu tindakan atau keputusan.

En. Bahadon Ismail mempunyai sifat-sifat kesederhanaan di dalam perilaku namun penuh dinamisma. Bercakap atau berbual dengan beliau adalah satu sesi pembelajaran.

THANK YOU FOR BELIEVING IN ME & MAKING ME BELIEVE IN MY SELF.

Ogos 1998

Tn. Hj. Mohd. Ariffin Ibrahim
Timbalan Pendaftar BLPS

Saya telah mengenali Tn. Hj. Bahadon lebih 21 tahun iaitu sepanjang perkhidmatan saya semasa bertugas sebagai Penolong Pendaftar dan Timbalan Pendaftar ITM.

Sepanjang tempoh tersebut, perhubungan kami adalah baik dan saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Sebagai Ketua, beliau sering meminta pandangan dan bersedia menerima nasihat mengenai perkara rasmi pejabat yang beliau yakin pegawainya lebih arif.

Di luar pejabat pula, beliau disenangi dan boleh bergurau mengikut batas-batas yang dibenarkan. Walaupun zahirnya beliau kelihatan sukar didampingi, tetapi sebenarnya amat mengambil berat terhadap anak-anak buah jagaannya.

Semasa diri ini dilanda pelbagai krisis rasmi, beliau sanggup datang ke pejabat saya untuk bertanya khabar dan acapkali berusaha menenangkan situasi. Inilah aspek perwatakan beliau yang jarang disedari oleh orang lain yang tidak mengenali beliau dengan lebih dekat. Jadi tidak hairan kalau masih ramai yang beranggapan beliau agak sukar didekati, apalagi mendekati.

Julai 1998

Zahrah Mokhtar
Timbalan Pendaftar
(Pengurusan Perjawatan)

Sebenarnya nostalgia seorang insan bernama Bahadon bin Ismail sarat dengan makna. Sejarah ITM mempunyai Pendaftar secara hakiki dialah mulanya. Anak jati kelahiran ITM. Menaiki anak tangga selari dengan perkembangan ITM - bermula sebagai pelajar Dewan Latihan RIDA, graduan kursus luaran ISCA Maktab MARA, menyambung pengajian ke luar negeri dan kembali menyumbang bakti kepada Institut Teknologi MARA. Mula bertugas sebagai pegawai biasa, bintang terus bersinar sehingga diberi kepercayaan menduduki kerusi Pendaftar. Sesungguhnya kami kerabat AR merasa sangat bangga.

Tidak ramai kerabat AR dapat 'privilege' bertugas di Pejabat Pendaftar. Saya merasa amat bertuah kerana pernah diberi peluang itu. Pengalaman yang dikutip bertugas terus di bawah seliaan Tuan Haji Bahadon Ismail sungguh berharga. Beliau banyak membimbing saya dan sentiasa mengingatkan untuk berfikiran positif. Saling membantu dan percaya mempercayai. Itu menjadi kunci. Lazimnya mesyuarat bersama beliau adalah mencari jalan terbaik menangani masalah tugas. Teguran pihak atasan disampaikan dengan berhemah dan cukup berhati-hati. Sebagai Pendaftar, Tn. Haji Bahadon terlibat dalam banyak urusan peringkat tertinggi ITM. Namun, sikap beliau yang sangat berahsia, segala maklumat terjaga. Sifat itu disanjung dan diambil teladan.

Mulai 3 September 1998, Tn. Hj. Bahadon Ismail akan bersara setelah lebih 32 tahun menyumbang bakti kepada ITM. Pemergian tuan, saya iringi dengan doa. Terima kasih atas segala bimbingan dan tunjuk ajar. Balasannya hanya dari Allah jua!.

Julai 1998

Wan Zawiyah Wan Abdullah
Timbalan Pendaftar
Pusat Pendidikan Persediaan

Sewaktu saya mula menjadi warga ITM dalam tahun 1974, staf keseluruhan ITM kira-kira 1100 orang sahaja dan hampir 90% berada di kampus Shah Alam. Antara staf saling mengenali. Minggu pertama bekerja, saya mendengar nama 'Don' Timbalan Pendaftar KRP. Ingatkan 'Mat Salleh' mana. Almaklum, dalam tahun 1974 ada beberapa kerat Mat Salleh yang masih berkhidmat dengan ITM.

Alih-alih bila pertama kali bersua muka, terperanjat dibuatnya kerana rupanya 'Mat Salleh' yang satu ini berkulit sawo matang dan anak jati Labu Besar, Kulim Kedah. Pada peringkat awal, saya lebih mengenali Pn. Aliah Mohd. Yasin Bendahari ITM waktu itu. Lama kemudian, baru diketahui rupanya mereka berdua suami isteri.

'Ist impression' sering mengelirukan. Maklum sahaja 'Don of the 70s', serius orangnya. Jangan cuba nak senyum, kalau beliau tidak memulakan. Nanti malu sendiri. Oleh kerana beliau di KRP, dan saya pula di Perjawatan, tugas kami berlainan haluan. Justeru, jarang sekali bertembung dan berinteraksi.

Tahun 1980, suasana mula berubah. Kalau dalam tahun 70an, KRP adalah 'sacred domain' En. Bahadon Ismail, Bahagian Perjawatan pula adalah 'sacred territory' Pn. Normah Ahmad. (Dewasa itu ITM hanya ada 2 jawatan Timbalan Pendaftar). Pada 1 Februari 1980, mereka berdua bertukar 'portfolio', En. Bahadon ke Perjawatan dan Pn. Normah ke KRP. Saya pula sudah bertugas sebagai Penolong Pendaftar kepada Pengarah ITM, Dato' Dr. Awang Had Salleh. Mulai 1 Januari 1981, jawatan Timbalan Pendaftar ke 3 ITM diwujudkan, iaitu di Bahagian Perkhidmatan Kakitangan. En. Bahadon menjalankan kedua-dua tugas sehinggalah saya dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pendaftar pada 1 Jun 1981 dan ditempatkan di Bahagian Perjawatan, En. Bahadon pula menerajui Bahagian Perkhidmatan. Apabila mula bertugas di bawah bumbung yang sama, dan menjadi rakan sejawatan saya mula mengenai beliau dengan lebih dekat.

Keadaan tersebut tidak kekal lama. Pada 1 Januari 1983, En. Bahadon Ismail telah dinaikkan pangkat sebagai Pendaftar ITM. Beliau mencipta sejarah apabila buat pertama kalinya 'a true-bred administrator' dilantik sebagai Pendaftar ITM.

Bukan mudah rupanya untuk menyesuaikan diri apabila 'Colleague' tiba-tiba menjadi 'Ketua'. Gaya kami berbeza. Rentak saya kadangkala banyak sumbangnya. Namun prinsip saya sentiasa jelas. **'I will always respect the chair'**. Emosi tidak dibiar mengelirukan isu-isu rasmi dan profesional. Bagi saya **'We are a team, and a good team player never kills each other'**. Saya amat bersyukur sebenarnya, kerana Tn. Hj. Bahadon menghormati kekuatan saya. Pada masa yang sama beliau amat bertolak ansur dengan karenah dan kelemahan saya. Sewaktu saya masih berkhidmat di Pejabat Pendaftar, setiap 'arahan' beliau sering disampaikan dalam bentuk cadangan. Beliau juga sentiasa memberi ruang untuk saya menjalankan tugas dengan cara dan pendekatan sendiri. Beliau hanya melihat kepada 'results' bukan 'approach'.

'Don of the 90s' kemudiannya banyak bertukar wajah. **'Age must have mellowed him down'**. Beliau menjadi lebih senang didekati. Semakin sabar dan sedia mendengar walaupun kadangkala masih tetap berahsia. Sayangnya, imej lama masih membayangi beliau. Ramai lagi yang gerun mendekatinya. Namun bagi kami yang sering berurusan dengan beliau, perubahan mutakhir adalah satu perubahan yang amat dihargai.

1 Ogos 1998

Rabiah Latif
Timbalan Pendaftar
Pejabat Rektor

Saya mengenali Tn. Hj. Bahadon Ismail dari jauh pada tahun 70-an. Semasa itu, saya masih bertugas sebagai Penolong Pentadbir di Kajian Senibina Perancangan dan Ukur. Pada masa itu saya hanya mengenali nama dan jawatan beliau sahaja. Pada awal tahun 80-an, barulah saya berkesempatan bertemu dengan beliau kerana saya ditemuduga untuk mendapatkan biasiswa bagi melanjutkan pengajian.

Sekembalinya saya dari cuti belajar pada tahun 1985 dan setelah menjawat jawatan Penolong Pendaftar saya telah bertugas di Bahagian Perjawatan dan dari saat itulah saya sering berurusan dengan beliau. Seterusnya semasa saya bertugas di bawah seliaan beliau, banyak pengalaman yang telah saya perolehi dan banyak pengajaran yang tidak dapat saya lupakan. Sebagai Ketua Jabatan beliau merupakan seorang yang bertimbang rasa, pendengar yang baik dan seorang yang penyabar.

Pada tahun 1986, saya telah ditugaskan untuk mengendalikan urusan kenaikan pangkat kakitangan kumpulan C di ITM Perlis dan Pengerusi Lembaga Temuduga ialah Tn. Hj. Bahadon Ismail. Pada hari yang telah ditetapkan, saya telah terlewat bangun pagi dan telah ketinggalan kapal terbang untuk pergi ke Perlis. Jadi, saya terpaksa mengambil penerbangan ke Pulau Pinang. Saya sampai lewat ke ITM Perlis lebih kurang jam 12.00 tengahari dan menyebabkan temuduga terpaksa ditunda. Semasa saya sampai ke ITM Perlis saya dapati Tn. Hj. Bahadon begitu sabar menunggu saya dan beliau hanya komen 'kenapa terlewat bangun? ada apa-apa ke?' Perasaan saya pada masa itu tak dapat nak cerita, tapi beliau telah dapat menenangkan saya untuk meneruskan tugas selanjutnya. Peristiwa ini telah berlaku hampir 13 tahun yang lalu tetapi kenangan ini masih segar di ingatan saya.

Ogos 1998

Paridah Mohd. Zan
Penolong Pendaftar
Jaminan Kualiti

Sekali pandang, memang En. Bahadon seorang yang bengis. Tetapi bila diamati dan didekati, nyata beliau seorang yang teliti di dalam banyak hal. Jika menerima memo `sila bercakap`, jangan kita cepat melatah, tapi carilah dulu fakta dan bukti sebelum kita pergi `mengadap` beliau. Pendekatan tersebut boleh mendidik kita supaya lebih bersedia dan membuat keputusan berasaskan fakta.

Beliau tidak mudah berpuashati dengan kerja-kerja yang kami sediakan sebaliknya beliau akan teliti semula sehingga ketahap yang beliau anggap sempurna. Ini melatih kami banyak bersabar dan berdedikasi dalam menjalankan tugas.

Sekali sekala beliau suka berjenaka. Silap hari bulan, kami pula yang dikenakannya.

20 Julai 1998

Azizah Abdullah
Penolong Pendaftar
(Unit Disiplin)

**SEUNTAI MADAH
SERIBU RASA**

MADAH BERBUNGA

*Tenang-tenang air di laut
Sampan kolek mudik ke ulu
Langit cerah tanpa awannya
Hati terkenang mulut menyebut
Budi yang baik diingat selalu
Hanya Allah yang membalasnya*

*Bangun pagi pergi ke jeti
Jeti terletak di hujung tanjung
Tempat nelayan turun ke jermal
Tuan pergi meninggalkan bakti
Bakti yang baik tetap disanjung
Buat pedoman kami yang tinggal*

*Dari Johor pergi ke Kedah
Bagi menziarahi ibu yang uzur
Sambil membawa buah berangan
Bakti yang luhur dicurah sudah
Tibalah masanya untuk berundur
Dengan meninggalkan seribu kenangan*

*Mari pergi ke Tanjung Tualang
Untuk membeli sebatang joran
Buat mengail si anak ikan
Tuan pergi tak dapat ku halang
Kerana sudah menjadi aturan
Hanya doa yang dapat kuiringkan*

Ogos 1998

Othman Ibrahim
Timbalan Pendaftar
(Saraan & Ganjaran)

BAPAK PENDAFTAR

*Pejabat Pendaftar
Nun di sana tempatmu
memberi jasa dan khidmat bakti
demi anak bangsa
ITM di hatiku
Lebih tiga belas tahun
tunjuk ajar, bimbingan dan nasihatmu
bagi gurindam hidup
mendorongku terus bersemangat
menabur bakti
Biar tidak ku kenali lebih erat
Biar tidak ku tatap wajahmu tiap hari
Namun aku akur
pada semangat juangmu
bagai kesinambungan buat kami yang masing di sini
Tiada mu di ITM ini
Tidak bermakna tiadamu di hati kami
Segala yang digarap dari hadirmu
tetap bersemadi, syahdu di kalbu
Selamat Sejahtera Bapak pendaftar
Semoga hidupmu selepas ini
lebih berharga dan lebih bermakna*

23 Julai 1998

Sa'adah Ibrahim
Penolong Pendaftar
Pusat Pendidikan Islam

SELOKA KENANGAN

*Ada Dara Adalah Uda
Berkolek jauh ke Pulau Lama
Raut wajah nampaknya muda
Tak sangka pula sudah 55*

*Bibir tersenyum tak banyak bicara
Langkah diatur amat berjaga
Sudah kenal mudah mesra
Sekali cakap mengena juga*

*Tahun ini tahun wajib bersara
Pelbagai pekeliling telah diwarta
Bakti tuan tidak terkira
Itulah ketokohan Pendaftar kita*

*Tangis ada sendu pun ada
Itulah tanda sokongan kami
Di mana jua tuan berada
Janganlah lupa ITM ini*

*Bersara kini Pendaftar kita
Jasa dan bakti amat berharga
Sampai di sini secalit tinta
Semoga menjadi kenangan jua*

Ogos 1998

Bosirah Daud
Penolong Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan

SALAM SEJAHTERA

*(sempena persaraan Tuan Haji Bahadon Ismail)
Pendaftar ITM)*

*Menyingkap lembar sejarahmu
pada zaman nyawa dihujung pedang
zaman baloba penjajah watan
zaman geruh Koumintang
zaman mula mengisi kemerdekaan
mengajar sebuah hati
akan nilai kedaulatan
bangsa dan negara harus dipertahankan.*

*Meski mana tumpah kuah
kalau tidak ke nasi
didikan ayahbonda mengarap harap
pengorbanan seorang warisnya
mengisi erti sebuah kemerdekaan nusa
dan Maktab MARA
menagih kepertanggungjawaban anak zaman gerhana
mengejar ilmu
memperkejar ketrampilan diri
disini jua mula menabur bakti
menyemarakkan obor mendidik bangsa.*

*Nyata
budi orang sukar diharga
32 tahun bersama pahit manis
tekun menyempurna iltizam
amanah dicerna menentu hala
ITM adalah segalanya
disinilah paksi maruah Bumiputera
melatih tuan pada bumi
berdaulat Malaysia*

*Kau sempurnakan dalam diam-tenangmu
ibarat mencanai permata
kebijaksanaan
sedar akan tanggungjawab dan berani
setiakawan diutamakan
ITM kini kian bergemerlapan
sinarnya dimana-mana
menjadi kebanggaan semua!*

*Mengimbau detik-detik bersama
dalam diam-tenangmu
terserlah ertikata;*

sedar

berani

bistari

proaktif

konstruktif

*dan setiakawan bukan saja puji dan puja
malah teguran dan kritikan
akan menjanjikan kematangan.*

Meski sukar mengungkapkan

.....Selamat bersara

semoga kesejahteraan semendang

kepada Allah kupohon keberkatan baktimu.

Jasamu dikenang

Ogos 1998

Mohd Ehsan Mohd Amin
Bahagian Saraan dan Ganjaran

BAHADON ISMAIL - PENDAFTAR

*B*ahadon nama anak diberi
*A*nak kelahiran di utara negeri
*H*arapan keluarga menjulang tinggi
*A*nugerah Ilahi tercapai kini
*D*on panggilan sesama dengan kenalan
*O*rangnya segak lagi tampan
*N*amun pemalu diusik jangan

*I*nsan punyai rasmi padi
*S*etia berbakti menabur budi
*M*eski cabaran menggunung tinggi
*A*kan ditempuh penuh berani
*I*man dan taqwa pendinding diri
*L*aluan kerjaya terserlah kini

*P*emimpin wibawa dia orangnya
*E*tika kerja paling utama
*N*ilai budi sifat mulianya
*D*edikasi bertugas amalan jiwa
*A*kur dia pada janji
*F*ikiran terbuka pegangan diri
*T*adahkan tangan doa dipinta
*A*gar Allah lindungi sentiasa
*R*ahmat dan Hidayah mengiringi buat sekeluarga

6 Ogos 1998

Zahrah Mokhtar
Timbalan Pendaftar
(Peng. Perjawatan)

KHAS BUAT INSAN BERNAMA BAHADON

*Negeri Kedah tempat lahirnya
Seorang putera bernama Bahadon
Tenang, pendiam bukan pemalu
Tapi kadang cengir teramat
Ya kami faham
Tindak tandukmu diperhati semua*

*Biar seribu cabaran menerpa
Kami teguh di belakangmu
Seiring semangat juang
Kami akan teruskan*

*Kekadang mengalir air mata
Ditegur, disapa dan dirujuk
Tapi ah itu kan
Satu pengajaran
Yang lahir dari seorang ayah mungkin
Mengajar anaknya berjalan betul*

*Terima kasih En. Bahadon
Bimbinganmu, tunjuk ajarmu akan dikenang
akan ku patuhi
Ketelitianmu menyelesaikan masalah
Biarlah ku semadi di lubuk hati*

*Akhir bicara kususun jari sepuluh
Pohon ampun pohon maaf darimu jua
Gelagatmu, cengirmu, teguranmu
Tetap bersemadi di hati
Mungkin sehingga hari persaraanku kelak.*

18 Julai 1998

Azizah Abdullah
Unit Disiplin

KAU YANG PERGI

*Bersama mu diketika ini
Aku tidak bisa berbicara panjang
Hanya sebak di dada menahan sendu
Air mata ini mengalir lesu
Don, begitu lama kau menabur bakti
Onak dan duri sering kau tempuhi
Namun kau gagah, kau tabah
Inilah yang menjadi kebanggaan kami
Saat berpisah hampir tiba
Maaf dari mu kami mohon kami pinta
Andainya kami jauh di mata
Ingatlah dari masa ke semasa
Lambaian terakhir kami penuh mesra*

SELAMAT BERSARA

10 Ogos 1998

Siti Nora Awaludin

TINTA SERIBU BUDI

TINTA SERIBU BUDI
(CETUSAN RASA WARGA KELAB PENOLONG PENDAFTAR)

Bangsa bertamadun adalah bangsa yang berbudi. Begitu juga akhlak yang mulia, seni dan serinya bertatahkan budi. Bangsa Melayu tersohor kerana mekar dengan tamadun budi. Justeru, budi bukan sekadar ditabur, tapi budi bakal dipahat hingga ke hujung dunia.

Bagaimana bangsa kita menilai budi? Apa mungkin terbayar dengan emas segunung intan atau sekadar berbaloi dengan lunaknya penghargaan yang diluah dari 2 bibir? Apakah mungkin kerana budi, sampai tergadai pula jiwa dan raga.

Pulau Pandan jauh ke tengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancur badan dikandung tanah
Budi yang baik dikenang juga

Pisang emas di bawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi di bawa mati

Dalam menilai erti budi, dapatkah kita mentakrifkan sumbangan seorang insan yang telah mengabdikan lebih separuh dari usianya untuk jatuh bangun bersama satu perjuangan bangsa? Bagaimanakah tuan, dapat kami ukur dan nilai jasa dan budimu? Kata orang tua-tua, hanya jauhari yang mengenal manikam. Hanya insan berbudi jua yang mampu menghargai erti dan nilainya budi. Walau pun dalam kerakusan dunia mutakhir ini, tidak mungkin terhakis Roh dan Nur budi yang begitu

lama kita dambakan. Di dalam menempuh kegawatan peradaban, kalutnya kita menanggapi kepentingan nafsu nafsi, sinar budi masih ampuh untuk dikenang dan dihayati.

Justeru, pada malam ini, sewajarnya kita meletakkan budi pada tempatnya yang hakiki.

Yang kurek itu kendi

Yang merah itu saga

Yang cantik itu budi

Yang indah itu bahasa

32 tahun 2 bulan 19 hari adalah jangka waktu yang amat lama, walau dari sudut manapun kita menilainya. Andai seorang anak kecil menjadi bandingan, anak itu bukan sahaja kini megah berdikari, malah sudah pasti bergelar suami atau bergelar isteri dan mungkin pula sudah punya zuriatnya sendiri. Namun nilai kerjaya, berbeza pula timbang ukurnya. Tentunya tidak sekadar membilang saat dan harinya. Neraca kerjaya, beratnya terasa dari berkatnya sumbangan, dari adilnya kepemimpinan, dari jelasnya wawasan dari jitunya iltizam, sehingga terpahat impaknya kepada organisasi.

Tuan, jejakmu jejak bertapak

Langkahmu langkah satria

Umpama harimau, menitipkan belangnya

Ibarat nakhoda, tidak karam bahteranya.

Tidak terurai rasanya jasamu dalam setitis tinta

Tidak terucap rasanya dalam madah berbunga

Orang berbudi tidak pernah menagih budinya dinilai, apalagi untuk ditimbang di neraca. Tidak juga akan merayu agar jasanya itu dipahat dimercu tanda. Bagi yang menabur budi, akan melakukannya dengan rela hati. Bagi yang menerima

budi, hendaknya usahlah rakus mengungkit dan mencari cela. Itu bukan adab kita, menggigit jari orang yang pernah menabur budi. Umpama bumi, mana ada datarnya yang tidak pernah dikunjungi hujan. Umpama langit, mana ada ruangnya yang tidak pernah dijamah awan. Bagi yang tahu menilai budi, hujan itu dipandang sebagai rahmat, awan pula dianggap penyampai maklumat. Baik pandangan mata, baik pula pandangan hati. Andai cela yang kita cari, tidak tercium oleh hati erti dan nilai setitis budi. Jauh sekali harumnya untuk melekat di sanubari.

Kata orang, yang patah akan tumbuh kembali, yang hilang itu akan berganti. Namun hakikatnya, yang tumbuh tidak akan sama dengan yang pergi. Setiap insan punya kekuatan dan kelemahannya sendiri. Untukmu yang pernah menabur budi, salam kami ungkap, doa kami iring. Sesungguhnya, ganjaran hakiki akan datang jua dari Allah Yang Maha Esa. Ganjaran dunia adalah kulitnya saja. Akhir kata, jari jemari ini kami susun rapi, semoga maaf yang kami pinta, ampun jua yang tuan beri. Tangan kami melambai tanda keakraban. Terputus jangan, tali persaudaraan.

Tinta ini seribu budi


Mewarni zaman, segar mewangi

Abadi budimu dilipatan kenangan


Kami di sini dilupa jangan

**SELAMAT BERSARA TUAN PENDAFTAR. SALAM PENUH TAKZIM
DARI ANAK BUAH MU WARGA KELAB PENOLONG PENDAFTAR.**



NOSTALGIA SERIBU KENANGAN



Menerima sijil ICSEA di Maktab Mara



... di Kuala Menggatal




...di Laman Kenangan Budi



Ahli Lembaga
Pengarah ITM




Tuan Haji Bahadon di
pejabatnya



Bersama Tan Sri Ghazali Shafie sempena
Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-
undang, Konvokesyen ITM Ke 47

Sempena Majlis
Konvokesyen Komemoratif
ITM pada 23 Jun 1997



TINTA SERIBU KENANGAN

TENAGA KERJA

- | | | |
|-------------------------------------|---|-------------------|
| • <i>Pn. Halimah Yen</i> | - | <i>Ketua</i> |
| • <i>Pn. Rabiah Latif</i> | - | <i>Penyunting</i> |
| • <i>Pn. Aniah Bahrom</i> | - | <i>Penyelaras</i> |
| • <i>En. Ab. Rahman Harun</i> | - | <i>Penyelaras</i> |
| • <i>En. Ahmad Ridzuan Wan Chik</i> | - | <i>Penyelaras</i> |
| • <i>Pn. Rafidah Abd. Majid</i> | - | <i>Susunatur</i> |
| • <i>Bahagian Peperiksaan</i> | - | <i>Percetakan</i> |

PENGHARGAAN

Kelab Penolong Pendaftar Institut Teknologi MARA amat terhutang budi dan ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak berikut yang telah membantu menyediakan buku 'Tinta Seribu Kenangan'.

- * Bahagian Peperiksaan*
- * D' Fa Print Sdn. Bhd.*
- * Penyumbang Artikel*

dan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dan menghulur bantuan samada secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih daun keladi.

AUTOGRAF

RALAT

Di muka surat 22.


Perhubungan saya dengan Tn. Hj. Bahadon ialah sebagai rakan dan juga pada satu ketika iaitu di antara 1987 - 1991 semasa saya jadi Timbalan Pengarah (Pengurusan), Tn. Hj. Bahadon adalah di bawah saya. Walau pun ketika itu kali pertamanya kedua-dua Bendahari dan Pendaftar di letak di bawah seorang Timbalan Pengarah, saya tidak pernah menghadapi masalah bekerja dengan beliau. Secara umum beliau masih menjalankan tugas seperti yang diamanahkan. Adakalanya saya memberi pendapat yang saya fikir lebih baik. Perhubungan kami baik kerana kami faham peranan masing-masing.

Sebagai Ketua, saya dapati beliau menjalankan tugas dengan jujur, mengikut Prosidur, dan garis panduan yang ditetapkan. Adakalanya beliau memberi buah fikiran beliau untuk kebaikan ITM, walaupun kadangkala orang salah anggap niat beliau. Beliau akur dengan segala arahan. Beliau juga kadangkala menjadi Penasihat dan Pakar Rujuk kepada pengurusan berkenaan Perintah Am atau Akta ITM. Hingga ke hari ini, saya akan berjumpa beliau meminta nasihat dan pertolongan beliau berkenaan urusan pentabdiran terutamanya berkenaan arahan Kerajaan.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Maju Jaya dalam apa jurusan yang beliau akan berkecimpung selepas bersara.

8 Ogos 1998

Prof. Ir. Dr. Syed Abdul Kader Aljunid
Penolong Rektor (Jaminan Kualiti)



COPYRIGHT © UiTM

Rekabentuk & Dicitak oleh: D'FA PRINT SDN. BHD.
Tel: 03 738 4060 / 736 0134